

# Pendidikan dan Pendidikan Vokasional

UB 11.5.2011 P.34

## Pendekatan dan cabarannya dalam memenuhi peluang kerjaya di Malaysia

MINDA PENDIDIK

BAHAROM MOHAMAD

Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Shukri Zain, Abdul Said Ambortang, Muhamad Sulaiman Taat dan Roslee Talip



**P**ENDIDIK sebagaimana yang termaktub dalam Kamus Dewan membawa maksud pengajar, pengasuh, dan individu yang mengajar manakala dari sudut pandangan umum, pendidik itu merujuk kepada pengamal ilmu. Pengamal ilmu itu kemudiannya mengamalkan dan menyebarkan ilmu-ilmu yang dipelajarinya kepada pelajar dalam usaha untuk menghasilkan generasi yang berpengetahuan. Dalam konteks pendidikan formal, pendidik merujuk kepada individu yang mengajar di sekolah-sekolah, maktab-maktab, institut, kolej dan universiti. Sistem pendidikan negara pada masa kini telah disesuaikan dengan tahap kemampuan, kebolehan dan kemahiran pelajar agar laluan pelajar untuk menimba ilmu terbuka luas sepertimana yang dilaksanakan dalam Sistem Pendidikan Vokasional.

Pendidikan Vokasional ialah sistem pendidikan yang bermula di peringkat menengah atas yang disediakan untuk melahirkan pelajar yang berkecenderungan dalam bidang vokasional. Melalui kursus-kursus yang ditawarkan, pelajar akan mendapat pengetahuan asas teknik dan vokasional serta kemahiran. Mereka ini akan membentuk

kluster teknokrat negara apabila ditempatkan di sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian. Ciri-ciri Pendidikan Vokasional antaranya merangkumi kurikulum yang meluas dan mudah diubahsuai sama ada untuk keperluan semasa mahupun pada masa yang akan datang selaras dengan perkembangan dan perubahan teknologi. Di samping itu, Pendidikan Teknik dan Vokasional juga memberi pengetahuan dan kemahiran asas yang kukuh kepada pelajar untuk keperluan pendidikan dan latihan selanjutnya dalam bidang teknikal dan vokasional.

Bagi membolehkan pelajar

menyesuaikan diri di alam pekerjaan dan mencapai tahap pekerjaan yang tinggi, pendidikan asas seperti bahasa, matematik dan sains turut disediakan.

Tujuan Pendidikan Vokasional ini diperkenalkan adalah untuk membentuk kemahiran, kebolehan, kesefahaman, sikap, tabiat kerja dan tanggungjawab dalam diri supaya dapat digunakan secara berfaedah dan produktif. Selain itu, Pendidikan Vokasional juga membantu dalam memperkembangkan sektor

perindustrian dan proses pemodenan dengan memberi sumbangan guna tenaga untuk menjadikan bidang perindustrian lebih produktif dan kompetitif. Berdasarkan kepada

tujuan-tujuan yang telah disebutkan di atas, ini menunjukkan bahawa

Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan satu bidang yang penting bagi pembangunan sumber manusia khususnya untuk melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir. Bagi

merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, penglibatan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta

memainkan peranan yang penting untuk melahirkan tenaga kerja bagi

memenuhi pasaran pekerjaan di dalam dan di luar negara.

Sehubungan dengan itu, pada Mei

1989, atas usaha Kementerian Sumber Manusia, maka tertubuhlah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang mana majlis ini

ditubuhkan sebagai sebuah badan penyelaras sistem latihan kemahiran melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPKK)

dengan dianggotai oleh 10 wakil swasta, 10 wakil kerajaan dan dua ahli tambahan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Antara fungsi

majlis ini adalah untuk mengesan dan menilai pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program latihan vokasional yang ada sekarang yang dijalankan oleh institusi-institusi

latihan awam bagi memastikan supaya

sejarah dengan keperluan-keperluan dan keutamaan-keutamaan latihan vokasional serta memperakarkan

pindaan dan perubahan yang sesuai.

Selain itu, majlis ini juga berfungsi untuk menggalak dan menjalankan

penyelidikan terhadap latihan vokasional secara menyeluruh atau dalam bidang tertentu dan menerbitkan hasil-hasil kajian atau produk.

Bermula pada tahun 1993, MLVK telah memperkenalkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang baru. Sistem ini mempunyai

lima tahap iaitu Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 sehingga tahap 5 yang juga dikenali sebagai Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia yang mana sistem ini menggantikan Sijil Kecekapan Ketukangan Peringkat Asas, Pertengahan dan Tinggi. Sepertimana yang telah diperakui oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (JKML), 1991, Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) ini dibangunkan adalah bertujuan untuk mengembangkan pengiktirafan kemahiran di negara ini. Ia juga dilaksanakan berteraskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) di mana setiap calon akan dinilai dan disahkan memenuhi keperluan SKPK sebelum dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). SKPK didefinisikan sebagai 'spesifikasi keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan' dan dibangunkan oleh MLVK dengan penglibatan pakar-pakar industri untuk memastikan bahawa setiap SKPK memenuhi keperluan keterampilan kerja bersesuaian dengan bidang kemahiran sesuatu industri. Pada dasarnya, sistem ini membantu dalam membekalkan tenaga-tenaga kerja yang mahir dan terlatih dan sekali gus mampu mempertingkatkan daya saing industri pasaran tempatan di pasaran dunia.

SPKM memberi penekanan terhadap pencapaian keterampilan berdasarkan keperluan di tempat kerja. Sistem ini juga membantu dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang lebih relevan dan produktif di samping memberi faedah dan keuntungan yang banyak kepada majikan dan juga industri negara. Antaranya menggalakkan suasana perhubungan industri yang lebih baik di tempat kerja dengan memberi kefahaman yang sama terhadap keperluan bidang pekerjaan kemahiran sebagaimana yang dinyatakan di dalam SKPK. Selain itu, ia juga membantu majikan dalam menggambarkan komitmen mereka terhadap kualiti dan pembangunan sumber manusia seterusnya menjadi panduan dalam pengambilan dan pemilihan calon yang sesuai untuk pekerjaan kemahiran.

Selaku badan persijilan, MLVK mengiktiraf sesuatu organisasi sebagai pusat bertaullah bagi membolehkannya menawarkan SKM bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu melalui prosedur yang dinamakan pentauliahan. Untuk mendapatkan pengiktirafan, sesuatu organisasi itu perlulah memenuhi kriteria yang telah digariskan oleh badan persijilan antaranya organisasi itu ditubuhkan secara sah dan mengikut undang-undang. Selain itu, organisasi itu mestilah mempunyai atau boleh menyediakan kemudahan fizikal seperti tempat, kelengkapan dan peralatan di tempat sendiri atau secara usaha sama dengan organisasi lain bagi menjalankan latihan dan penilaian yang dapat memenuhi kesemua keperluan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau National Occupational Skill Standards (NOSS).

Dalam era k-Ekonomi yang kian pesat, permintaan terhadap tenaga pekerja vokasional sama ada tenaga kerja mahir mahupun separuh mahir semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran Pendidikan Vokasional (MPV) telah diperkenalkan. Tujuannya adalah untuk melahirkan sekumpulan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan terlatih dalam beberapa bidang pekerjaan yang telah dikenal pasti. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui pendekatan yang bersesuaian amat diperlukan untuk keperluan pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan dan minat dalam bidang vokasional. Untuk itu, pendekatan modular digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran MPV. Modular merujuk kepada mengorganisasikan sesuatu pembelajaran atau dalam kata lain, untuk mencapai hasrat keseluruhan pembelajaran, aktiviti-aktiviti yang disusun dibahagikan kepada beberapa modul dan setiap aktiviti yang harus dijalankan oleh pelajar perlu ditulis dengan jelas mengikut modul-modul yang telah diberikan. Kelebihan menggunakan pendekatan ini adalah ia mampu memberi motivasi berganda kepada pelajar dalam pembelajaran kerana kejayaan yang mereka capai walaupun dalam bentuk yang sedikit akan membantu mereka membina keyakinan diri. Oleh kerana

Pendidikan Vokasional menyediakan program yang pelbagai, maka sistem penaksirannya juga adalah pelbagai dan berlainan dengan sistem penaksiran yang dijalankan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

MPV memerlukan satu sistem penaksiran yang mempunyai ciri-ciri fleksibel, individualized dan boleh mempertingkatkan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, sistem penaksiran yang berasaskan kepada kompetensi calon serta digandingkan dengan persijilan berbentuk modular diperkenalkan bagi semua MPV yang dilaksanakan. Kompetensi merujuk kepada satu unit tugas yang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menggunakan alat, bahan dan teknik tertentu untuk menyempurnakan tugas yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan. Kompetensi juga merupakan sesuatu yang boleh diperhatikan dan diukur atau ditaksir. Penaksiran kompetensi pula merujuk kepada satu proses untuk mendapatkan evidens iaitu sebarang bentuk respons daripada pelajar dari jenis pengetahuan, proses dan produk, sama ada dalam bentuk penulisan, artifik atau lisan yang boleh dijadikan bukti yang menunjukkan bahawa pelajar telah kompeten dalam sesuatu tugas dan seterusnya membuat penilaian tentang tahap kompetensi pelajar dalam melakukan sesuatu tugas berdasarkan kepada sesuatu standard yang telah dikenal pasti. Standard pula merujuk kepada tahap kualiti dan kuantiti kerja minimum yang telah dikenal pasti dan ditetapkan serta perlu dicapai oleh pelajar untuk menunjukkan kompetensinya dalam sesuatu tugas.

Ciri-ciri penaksiran fleksibel merujuk kepada waktu atau masa penaksiran dilakukan. Kita sudah sedia maklum bahawa setiap pelajar mempunyai kadar pembelajaran yang berbeza. Jika diberi masa dan peluang, mereka berupaya mencapai tahap kompetensi yang dikehendaki. Proses penaksiran ini tidak tertakluk kepada jadual waktu peperiksaan yang rigid, tetapi dilakukan apabila pelajar sudah bersedia. Pendekatan ini disebut sebagai penaksiran atas permintaan. Ciri yang kedua adalah individualized yang mana fokus penaksiran ini ialah individu dan bukan kumpulan. Ini boleh dilakukan kerana pelajar dan penilai jelas tentang tahap yang perlu dicapai.

Hasilnya, skor pencapaian penguasaan peribadi boleh diberi tanpa membuat perbandingan dengan pelajar lain.

Pendekatan ini merupakan pendekatan yang berpusatkan pelajar.

Ciri yang terakhir adalah boleh mempertingkatkan pembelajaran.

Dalam melaksanakan 'penaksiran merujuk kriteria', semua kriteria dirumus berdasarkan objektif mata pelajaran atau objektif modul mata pelajaran itu. Pendidik dan pelajar perlulah jelas dan mengetahui terlebih dahulu standard yang hendak dicapai. Dengan cara ini,

pendidik dan pelajar telah maklum mengenai evidens yang dihasratkan dan bagaimana evidens diskor.

Skor yang dihasilkan dari penaksiran ini memberi isyarat tentang pencapaian objektif. Melalui proses ini, pelajar akan dimaklumkan sama ada dia telah mencapai objektif yang disasarkan.

Sehubungan itu usaha boleh diatur oleh pelajar serta pendidik untuk memastikan penguasaan pencapaian.

Pendekatan ini secara keseluruhan mampu mempertingkatkan prestasi pembelajaran seseorang pelajar itu.

Apabila seseorang pelajar itu telah ditaksir dan diakuai telah mencapai tahap kompetensi dalam sesuatu modul, pengiktirafan akan diberi kepada pelajar berkenaan dan pengiktirafan ini dipanggil sebagai Pensijilan Modular.

Pendekatan modular dalam pensijilan juga boleh mempertingkatkan keberkesanannya pembelajaran kerana pendidik

boleh memberi perhatian yang lebih kepada pelajar yang lemah tanpa memperlakukan kadar pembelajaran pelajar yang lebih cekap dan mahir.

Melalui pendekatan ini pelajar akan menjadi lebih aktif, kritis, kreatif dan berdiskusi. Dengan hal yang demikian,

maka beban pendidik sebagai 'pencurah ilmu' akan berkurangan.

Ini memberi ruang dan peluang kepada guru untuk mengawal selia dan memantau penguasaan kemahiran pelajar tercapai sebagaimana yang dihasratkan.

Memandangkan negara berusaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan industri, maka

adalah penting bagi negara untuk mengekalkan daya saingan dan produktiviti dengan menghasilkan

tenaga kerja yang berkemahiran, bermotivasi dan berpendidikan secara konsisten. Oleh itu, hasrat dan harapan negara sangat tinggi terhadap latihan dan pendidikan dalam bidang vokasional. Dalam melaksanakan Pendidikan Vokasional, cabaran-cabarannya wujud haruslah ditangani dengan strategi-strategi yang sewajarnya. Antara cabaran yang dihadapi adalah tanggapan masyarakat terhadap Pendidikan Vokasional. Masyarakat menganggap bahawa pelajar-pelajar yang masuk ke bidang vokasional ini adalah pelajar-pelajar yang gagal menempatkan diri ke sekolah-sekolah akademik dan berkelulusan rendah.

Tanggapan seumpama ini seharusnya diubah oleh masyarakat dengan melihat kepada perubahan-perubahan yang telah dilakukan oleh Sistem Pendidikan Vokasional itu sendiri untuk memastikan ia selaras dengan perkembangan dunia semasa. Strategi yang diambil dalam mempertingkatkan Pendidikan Vokasional adalah dengan menyediakan latihan yang berkualiti kepada pelajar-pelajar yang menceburi bidang vokasional. Bagi mempertingkatkan kualiti dalam latihan kemahiran, tenaga pengajar perlulah mempunyai pengetahuan yang terkini, berorientasikan industri dan mempunyai pengalaman bekerja dalam industri. Tenaga pengajar digalakkan menjalani kerja perundingan supaya melengkapkan lagi usaha yang sedang dijalankan untuk melahirkan tenaga kerja yang lebih dinamik dan berdaya cipta di institusi-institusi vokasional. Strategi seterusnya adalah mewujudkan perkongsian pintar dan sinergi dengan menarik penglibatan sektor swasta dengan memperkenalkan pakej latihan sumber manusia yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang terlibat. Sektor swasta melalui daya usahanya atau dengan kerjasama kerajaan digalakkan menubuhkan Pusat Latihan Khas bagi menghasilkan pekerja berkemahiran yang berkaitan dengan teknologi baru, tinggi dan canggih. Pihak swasta juga digalakkan menggunakan kemudahan yang terdapat di politeknik dan sekolah teknik dan vokasional untuk menjalankan kursus-kursus teknikal bagi pekerja-pekerja mereka. Manakala pihak sekolah dan institusi pendidikan dan latihan awam perlulah memanfaatkan sumber teknologi terkini dan canggih di sektor swasta melalui pakej latihan industri. Hal ini penting bagi memastikan bahawa arus teknologi di sektor swasta dan di sektor institusi pendidikan dan latihan awam berada pada landasan yang sama. Justeru ini dapat mengurangkan berlakunya mismatch dalam konteks kehendak pasaran kerja.

Kesimpulannya, untuk memastikan bahawa negara mampu untuk terus bersaing, sistem pendidikan vokasional wajar diberi perhatian agar dapat melahirkan tenaga kerja yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Sistem Pendidikan Vokasional telah melakukan perubahan dalam sistemnya sendiri dalam usaha untuk menyelaraskan sistem berkenaan dengan perkembangan dunia semasa. Cabaran yang terpaksa dihadapi dalam melaksanakan Pendidikan Vokasional bukanlah menjadi satu penghalang dalam memartabatkan pendidikan itu. Banyak langkah dan inisiatif yang telah diambil agar pendidikan vokasional terus berkembang demi kepentingan negara. Kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan juga telah memberi impak terhadap Sistem Pendidikan Vokasional di Malaysia. Walaupun penglibatan pihak industri dalam latihan kemahiran masih lagi pada tahap minimum, kerajaan patut memberi galakan dalam meningkatkan penglibatan mereka bagi menyokong dan menyesuaikan usaha-usaha kerajaan untuk menjadi pemangkin dalam pembangunan pendidikan dan latihan di Malaysia. Melalui usaha dan komitmen yang diberikan, hasrat negara untuk melahirkan tenaga kerja yang produktif dan berkemahiran akan tercapai. Justeru dalam konteks mentransformasikan pendidikan dan latihan, maka perkara pokok yang perlu dan dituntut ialah anjakan paradigm masyarakat. Pendidikan Vokasional perlu dilihat sebagai satu wadah dan saluran penting dalam pembangunan pendidikan dan latihan dalam konteks menyediakan sumber manusia dan k-worker.

\* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.